

25/04/2000

RM36 bilion untuk bantu usahawan tidak diguna: PM

Wan Sabariah Shikh Ali; Zulkofli Jamaludin
SEJUMLAH RM36 bilion yang diperuntukkan kerajaan menerusi pelbagai tabung yang ditubuhkan untuk membantu usahawan tempatan tidak digunakan sepenuhnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sudah menjadi amalan rakyat negara ini untuk membuat desakan supaya kerajaan menubuhkan bermacam-macam tabung apabila menghadapi masalah pembiayaan.

Dr Mahathir berkata baru-baru ini beliau meminta Menteri Kewangan menyediakan senarai tabung yang sudah diwujudkan setakat ini untuk mengetahui jumlah dana yang ada.

"Saya terkejut kerana ada sejumlah RM36 bilion disediakan oleh kerajaan untuk pelbagai jenis tabung, tetapi tidak digunakan sepenuhnya," katanya pada sesi dialog selepas merasmikan Seminar Mengenai Peluang Pelaburan Dalam Sektor Pertanian, di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri berkata kerajaan memang sedar bahawa aduan yang dibangkitkan oleh pengusaha dalam sektor pertanian mengenai kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan adalah berasas.

Ini kerana, tambah beliau, dalam memberikan pembiayaan, institusi perbankan lebih bersifat sebagai pemberi pinjaman yang mementingkan cagaran dan bukannya mengambil peranan sebagai pembiaya.

"Begitu juga dengan syarikat modal teroka di Malaysia, mereka tidak bersifat meneroka," katanya.

Kekurangan minat institusi perbankan memberi pinjaman menyebabkan hanya dua peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman diberikan kepada kegiatan pengeluaran pertanian pada akhir 1998.

Pengurus Besar Bank Pertanian Malaysia, Datuk Rosli Abdul Aziz, dalam kertas kerjanya di seminar itu, berkata bank komersil, syarikat kewangan dan bank saudagar enggan membiayai kegiatan pengeluaran makanan kerana risiko tinggi dan tempoh bayaran balik lebih lama.

Sebaliknya, mereka lebih cenderung membiayai projek komersil yang besar seperti kelapa sawit (RM3.2 bilion sehingga September 1999), perhutanan dan pembalakan (RM1.4 bilion) dan industri pembuatan berasaskan pertanian (RM13.9 bilion).

Industri pembuatan berasaskan pertanian termasuk memproses produk getah, penapisan minyak sawit, produk kayu dan perabot, makanan dan minuman.

Rosli berkata, agensi utama memberi pembiayaan kepada kegiatan pertanian ialah Felda dan Bank Pertanian. Setakat ini, Felda, walaupun bukan institusi kewangan, menyumbang sebanyak RM2.9 bilion atau 22.7 peratus dalam bentuk pendahuluan yang diberikan kepada peneroka dan pekebun kecil.

Bank Pertanian, yang ditubuhkan pada 1969 untuk membangunkan sektor pertanian, menyumbang RM1.9 bilion atau 15 peratus daripada jumlah pinjaman yang diberikan kepada sektor itu.

Sehingga Disember 1999, sejumlah RM594.6 juta diberikan oleh Bank Pertanian untuk membiayai projek pengeluaran makanan. Ini membentuk 23 peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang diberikan oleh sektor perbankan kepada kegiatan itu.

Mengenai dana khas untuk sektor pertanian, pada masa ini tiga tabung diwujudkan dengan pengagihan dibuat menerusi bank komersil dan bank pembangunan tetapi diawasi oleh Bank Negara Malaysia. Tabung berkenaan ialah Tabung Untuk Makanan, Tabung Industri Kecil dan Sederhana dan Tabung Pemulihan Industri Kecil dan Sederhana.

Rosli berkata, sehingga akhir 1999, sejumlah RM210 juta dalam Tabung

Untuk Makanan masih belum digunakan. Ini meliputi jumlah terakhir sebanyak RM300 juta yang disediakan untuk tabung bernilai RM1 bilion itu.

(END)